

2 tahun Anwar, Kerajaan Perpaduan bina asas kukuh Malaysia progresif

- Kerajaan MADANI, melalui beberapa belanjawan termasuk Belanjawan 2025 beri penekanan usaha pemulihan ekonomi, menguasai aspek inovasi, memastikan pengagihan kekayaan adil dan saksama

- Anwar perkenal dasar strategik melalui Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara, Pelan Strategik Semikonduktor Kebangsaan, Pelan Tindakan KL20 dan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera



Profesor Emeritus di Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

Oleh Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh
bhrencana@bh.com.my

Menginjak kaki ke dalam tempoh dua tahun Kerajaan Perpaduan berdiri, banyak pihak melakukan analisis terhadap kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Terdapat beberapa dakwaan dalam artikel ahli akademik tertentu perlu diperbetulkan dengan fakta dan konteks sebenar bagi memberikan gambaran lebih adil terhadap pencapaian dan cabaran Kerajaan Perpaduan.

Pertama, dakwaan kononnya majoriti Melayu terus memberikan sokongan kepada pembangkang, khasnya Perikatan Nasional (PN) adalah ter-sasar.

Ini terbukti melalui kekalahan PN dalam beberapa pilihan raya kecil (PRK) di kawasan majoriti Melayu sebelum ini. Ia termasuk PRK Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri, Kelantan pada 17 Ogos lalu.

Calon Kerajaan Perpaduan, Mohd Azmawi Fikri Abdul Ghani, mewakili UMNO/Barisan Nasional (BN) menewaskan calon PN, Mohd Rizwadi Ismail, dengan majoriti 3,352 undi, membolehkan parti itu merampas kembali kerusi berkenaan yang sebelum ini disandang PN.

Lebih mutakhir, pada PRK DUN Mahkota, Johor, calon Kerajaan Perpaduan, Syed Hussien Syed Abdullah, menewaskan calon PN, Mohamad Haizan Jaafar dengan majoriti 20,648 undi, meningkat empat kali ganda berbanding majoriti diraih pada Pilihan Raya Negeri (PRN) 2022, iaitu 5,166 undi.

Dakwaan kononnya Anwar dilihat cuba memancing undi Melayu dengan menonjolkan isu keaga-

maan juga tidak betul kerana beliau konsisten menonjolkan pendekatan inklusif, bukan sekadar menumpukan pada isu keagamaan untuk memancing undi Melayu.

Anwar turut menekankan kepentingan keadilan sosial, perpaduan nasional dan integriti tanpa mengeksploitasi sentimen agama. Pendirian tegas Anwar mengenai isu Palestin dalam forum antarabangsa juga bukan didasarkan kepada isu keagamaan tetapi kepada isu kemanusiaan dan ketegasan ini disokong pemimpin PN.

Fokus isu asas ekonomi, tatakelola

Sementara itu, dakwaan pentadbiran dua tahun Anwar tidak membawa perubahan ketara kepada masyarakat Cina dan DAP juga tidak tepat. Kerajaan Perpaduan di bawah Anwar memfokuskan kepada penyelesaian isu asas ekonomi dan tatakelola dalam dua tahun pertama ini.

Saat mengambil alih tampuk pemerintahan negara, kerajaan MADANI menetapkan satu hala tuju jelas bahawa keterlanjuran lalu tidak harus dipertahankan dan diulangi, maka fokus utama Anwar adalah menyemarakkan prinsip tatakelola yang baik.

Kerajaan MADANI, melalui beberapa belanjawan termasuk Belanjawan 2025 dibentangkan pada 18 Oktober lalu, memberi lebih penekanan terhadap usaha pemulihan ekonomi, menguasai aspek inovasi, selain memastikan pengagihan kekayaan lebih adil dan saksama.

Ia bakal dijayakan melalui penyasaran subsidi bahan api, pendidikan dan kesihatan, reformasi perkhidmatan awam, kenaikan gaji minimum dan sebagainya.

Selain itu, antara pencapaian ekonomi signifikan mutakhir ini adalah:

- Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.3 peratus pada suku ketiga 2024 melebihi jangkauan.

- Pada suku ketiga 2024, inflasi keseluruhan dan inflasi teras kekal stabil pada 1.9 peratus

- Pada suku ketiga 2024, ringgit menambah nilai sebanyak 14.9 peratus berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) dan diiktiraf antara mata wang prestasi terbaik di dunia.

- Pengangguran setakat Ogos lalu menurun kepada 3.2 peratus, kadar terendah sejak Januari 2020.

- Malaysia meraih pelaburan diluluskan RM329.5 bilion, tertinggi pernah direkodkan.

- Nilai pasaran ekuiti domestik mencecah angka tertinggi melepasi RM2 trilion ringgit, selain Indeks Bursa Kuala Lumpur kembali melepasi 1,600 mata.

Kritikan bahawa Anwar hanya 'membeli masa' dalam isu Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) juga tidak benar. Sebanyak 11 tuntutan di bawah platform rundingan MA63 berjaya diselesaikan, tujuh daripadanya di bawah pentadbiran Anwar berbanding tiga ketika Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan Tan Sri Muhyiddin Yassin menjadi Perdana Menteri.

Komitmen ini membuktikan Anwar mengambil tindakan konkrit, bukan sekadar memberi janji kosong kepada parti komponen Kerajaan Perpaduan.

Kritikan bahawa PN mempunyai ideologi lebih jelas dan konsisten juga boleh dipertikaikan. PN sering gagal mengemukakan dasar alternatif komprehensif untuk menangani isu utama negara, termasuk penyasaran subsidi bahan api.

PN juga tidak mampu menghasilkan Kabinet Bayangan dan Belanjawan Alternatif bagi menyaingi Kabinet dan Belanjawan Kerajaan Perpaduan.

Anwar, sebaliknya, memperkenalkan dasar strategik menyeluruh. Pertumbuhan ekonomi diatur melalui Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Pelan Strategik Semikonduktor Kebangsaan (NSS), Pelan Tindakan KL20 dan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera.

Kebijakan fiskal kerajaan dipandu melalui Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal, Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) 2030 dan penyasaran subsidi. Tatakelola dan integriti diangkat dengan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS), pindaan Akta Audit 1957 dan Ikhtiar Reformasi Kerenah Birokrasi (IRKB).

Dua tahun kepemimpinan Anwar harus dilihat sebagai tempoh pembinaan asas kukuh bagi Malaysia lebih progresif dan inklusif. Anwar membuktikan ketegasan, keberkesanan dan komitmen terhadap perubahan. Berbekalkan asas kukuh ini, Kerajaan Perpaduan berada pada landasan betul untuk mencapai matlamat gagasan Malaysia MADANI.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Anwar ketika pembentangan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober lalu.

(Foto Jabatan Penerangan)